

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

BKT 302/4 - Helmintologi Perubatan & Veterinar

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. Jika anda berkerja di sebuah perkampungan orang asli yang endemik dengan filariasis, terangkan bagaimana anda dapat tentukan prevalens jangkitan-jangkitan ini kepada penduduk kampung tersebut. Apakah langkah-langkah yang dapat anda cadangkan untuk pengawalan penyakit-penyakit tersebut. Terangkan langkah-langkah tersebut dengan merujuk kepada kitar hidup parasit berkenaan.

(20 markah)

2. Tulis satu esei bertajuk ‘jangkitan nematod daripada makanan’.

(20 markah)

3. Beberapa spesies nematod menjangkiti manusia di negara-negara beriklim sederhana (temperate). Berikan kitar hidup nematod-nematod ini dan terangkan faktor-faktor yang membolehkan mereka terdapat di negara-negara beriklim sederhana.

(20 markah)

4. Bincangkan kepentingan haiwan (domestik dan liar) dalam jangkitan fluk manusia.

(20 markah)

5. Bincangkan perhubungan cara hidup manusia dan epidemiologi fluk.

(20 markah)

[BKT 302/4]

6. Bandingkan kitar hidup *Taenia solium* dan *Echinococcus granulosus*. Bincangkan epidemiologi dan pengawalan parasit-parasit tersebut.

(20 markah)

- ooo O ooo -